

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

4. Apakah perancangan dan tindakan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk menangani isu-isu geografi seperti berikut:
- (a) Paras ketinggian tanah di bawah paras laut dan *wetland* semulajadi.
 - (b) Jenis tanah sedia ada dan kestabilannya.
 - (c) Laluan angin kencang dan ribut dari arah barat laut Batu Kawan.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

4. (a) PDC akan menambun kawasan yang akan dibangunkan kepada paras ketinggian minima di antara +2.3 meter hingga +2.5 meter mengikut *Batu Kawan Drainage Master Plan* yang telah diluluskan. Paras ketinggian minima yang disyaratkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah +2.13 meter.
- (b) Secara keseluruhannya jenis tanah sedia ada di Batu Kawan adalah *marine clay*. Sehubungan itu, bagi setiap perancangan pembangunan, PDC akan melaksanakan rawatan tanah (*soil improvement*) di kawasan yang diperlukan mengikut penggunaan tanah (*land use*), laporan siasatan tanah (*soil investigation*) dan reka bentuk bangunan.
- (c) Sehingga kini, sebarang reka bentuk bangunan atau struktur yang tinggi akan mengambil kira bebanan angin (*wind load*) yang berpadanan berdasarkan *Malaysian Code of Practice*.